

# Noraini nafi Puteri berpecah belah

PEKAN 24 Okt.- Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad menafikan dakwaan pergerakan itu kini berpecah belah seperti yang disiarkan dalam beberapa laman web parti pembangkang.

Menurutnya, jika Puteri UMNO tidak bersatu, banyak program yang telah dirancang akan tergendala.

Sebaliknya kata beliau, semua program sejak awal tahun ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mendapat sambutan semua lapisan masyarakat.

"Dakwaan tersebut adalah satu fitnah sedangkan Puteri UMNO semakin mendapat tempat di hati rakyat dan ramai yang ingin menyertainya.

"Oleh itu saya ingin menasihati ahli-ahli Puteri di seluruh negara jangan terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang cemburu dan merasa tergugat dengan kehadiran Puteri dalam UMNO," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Noraini berkata demikian sewaktu menyertai *Program Kembara Ramadan* oleh Puteri UMNO Bahagian Pekan bagi menyampaikan bantuan kepada fakir miskin dan orang kurang upaya di peringkat Parlimen berkenaan.

Turut menyertai program itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Peramu Jaya, Wan Iqbal Afdzha Wan Abdul Hamid yang juga turut menyampaikan sumbangan peribadi beliau kepada beberapa fakir miskin.

Sementara itu katanya, Kembara Ramadan adalah sebahagian daripada *Program Puteri Menyusur Akar* iaitu program membantu golongan rakyat miskin di seluruh negara.

"Hampir 90 peratus daripada 191 ahli Puteri UMNO Bahagian telah melaksanakan program berkenaan di seluruh negara. Di peringkat Parlimen Pekan kita namakan *Kembara Ramadan* kerana ingin mengambil berkat dan iktibar daripada kesengsaraan rakyat miskin menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan.

"Program seperti ini akan kita teruskan di masa depan kerana mendapat sokongan banyak pihak terutamanya sektor swasta yang turut menyumbangkan bantuan," katanya.

Di samping itu menurut beliau, Puteri UMNO akan turut membantu kerajaan membasmi buta huruf di kalangan lebih 100,000 murid sekolah seperti yang didedahkan oleh ahli Parlimen Temerloh, Datuk Mohd. Sharit Jusoh.

Sebenarnya kata beliau, Puteri UMNO telah memulakan kempen membasmi buta huruf menerusi *Program Jom Membaca* dan *Drop A Book*.

Katanya, menerusi program itu, pihaknya berjaya mengesan beberapa pelajar tahun satu hingga tahun enam yang tidak tahu membaca tetapi dengan bimbingan yang diberikan, pelajar-pelajar ini akhirnya sudah boleh membaca.

Selain itu kata Noraini, Puteri UMNO juga tidak ketinggalan untuk membimbing anak-anak Orang Asli di seluruh negara.



**NORAINI AHMAD**